



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call. Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

Home > Newspaper Catalogue > Berita Harian > 1964 > August > 7 > Page 6 > AJAR-LAH BAHASA KEBANGSAAN DGN SUKARELA—MB



AJAR-LAH BAHASA KEBANGSAAN DGN SUKARELA—MB

Berita Harian, 7 August 1964, Page 6

Share    

Save Citation

<< Previous Article Next Article >>

AJAR-LAH BAHASA KEBANGSAAN DGN SUKARELA—MB

KAJANG, Khamis.

MENTERI Besar Selangor Inche' Harun bin Haji Idris telah menyeru semua orang2 Melayu supaya mengajar bangsa Melayu berchakap bahasa kebangsaan dengan sa-chara sukarela demi untuk meninggikan taraf bahasa kebangsaan yang akan menjadi bahasa rasmi

pada tahun 1967 ini.

Seruan ini di-buat oleh beliau ketika beruchap di-masa merasmikan Sekolah Kebangsaan Sungai Merab Kajang pada hari Sabtu yang lalu.

Menteri Besar itu menerangkan untuk meninggikan perkembangan bahasa kebangsaan di-negeri ini orang2 Melayu sendiri hendak-lah memimpin orang2 bukan Melayu supaya menggunakan bahasa kebangsaan pada tiap2 masa.

Inche' Harun juga menerangkan pada masa ini banyak orang2 bukan Melayu berlumba2 belajar bahasa

kebangsaan dengan mem-
bayar gaji2 kepada orang
Melayu yang mengajar-nya
dengan kira jam.

Perkara mengambil upah
untuk mengajar bahasa ke-
bangsaan kepada orang
bukan Melayu itu jangan-
las di-amalkan dan sudah
sa-patut-nya orang2 Melayu
mengajar dengan sa-chara
sukarela kerana menggalak-
kan mereka menggunakan
bahasa rasmi di-negeri ini.

Beliau juga mengingat-
kan orang2 Melayu supaya
jangan ketinggalan untuk
mempelajari bahasa mere-
ka sendiri.

Sungguh pun orang Me-
layu boleh berchakap Me-
layu tetapi banyak orang2
Melayu tidak berapa faham
tentang bahasa Melayu di-
dalam persuratan dan isti-

lah2 bahasa-nya sendiri.

Menteri Besar itu juga
menerangkan untuk men-
galakkan pegawai kerajaan
di-Selangor supaya bercha-
kap di-dalam bahasa ke-
bangsaan beliau akan me-
merentahkan semua ketua
pejabat menulis dalam ba-
hasa kebangsaan di-semua
urusan dalam pejabat di-
negeri ini.

Dengan jalan ini semua
pegawai2 itu lebeh bergiat
lagi untuk mempelajari ba-
hasa kebangsaan yang akan
menggantikan bahasa Ing-
geris pada tahun 1967 ini.

NLB

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)

[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#)
[Takedown Policy](#)

©2025 Government of Singapore
Last Updated 2023-01-31